

Bil. S 21

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH DARURAT (PESURUHJAYA SUMPAH), 1993

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini membuat Perintah yang berikut –

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Pesuruhjaya Sumpah), 1993 dan hendaklah berkuatkuasa pada 26 haribulan Ogos, 1993.

Tafsiran.

2. Dalam Perintah ini, kecuali jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain –

“afidavit” termasuk ikrar, perisyntiharhan (bukannya pengakuan berkanun), pengakuan, pemeriksaan dan pengakusaksian.

Lantikan pesuruhjaya sumpah.

3. (1) Ketua Hakim boleh, dengan kebenaran Menteri yang bertanggungjawab bagi undang-undang dan dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, melantik orang iaitu peguambela-peguambela dan peguamcarapeguamcarera Mahkamah Besar sebagai pesuruhjaya-pesuruhjaya sumpah.

(2) Seseorang peesuruhjaya sumpah yang dilantik di bawah ceraian (1) hendaklah tidak menjalankan sebarang kuasa yang diberikan kepadaanya oleh Perintah ini dalam sebarang perbicaraan di mana dia adalah peguambela atau peguamcarera bagi mana-mana pihak kepada perbicaraan itu, berkenaan dengan mana-mana orang yang merupakan klien bagi dirinya atau bagi firmanyanya, atau berkenaan dengan sebarang perkara di mana dia ada kepentingan.

Mengangkat sumpah di luar Negara Brunei Darussalam.

4. (1) Sebarang sumpah atau afidavit yang dikehendaki bagi sebarang maksud di Negara Brunei Darussalam boleh dikendalikan atau dibuat di sebarang tempat di luar Negara Brunei Darussalam oleh mana-mana orang yang mempunyai kuasa untuk mengendalikan sumpah di tempat itu.

(2) Dalam hal seseorang yang mempunyai kuasa itu melainkan menurut undang-undang sesebuah negara asing, pengiktirafan kehakiman dan rasmi hendaklah dibuat dari meterai atau tandatangannya yang dibubuh, dicap, atau diturunkan pada atau atas sebarang sumpah atau afidavit itu.

5. Ketua Hakim boleh memberi kuasa kepada mana-mana orang untuk mengendalikan sumpah dan membuat afidavit bagi sebarang maksud berkenaan dengan perbicaraan harta rampasan laut di Mahkamah Besar, semasa orang itu berada di laut lepas atau di luar Negara Brunei Darussalam dan tidaklah perlu untuk membubuh sebarang cap pada dokumen yang memberinya kuasa itu.
- Lantikan orang untuk mengendalikan sumpah bagi perbicaraan harta rampasan laut.
6. (1) Seseorang pesuruhjaya sumpah (sama ada dilantik di bawah Perintah ini atau di bawah sebarang undang-undang bertulis yang lain) boleh mengendalikan sumpah atau membuat afidavit bagi sebarang maksud, sama ada di bawah sebarang undang-undang bertulis ataupun dengan cara lain.
- Kuasa-kuasa pesuruhjaya sumpah.
- (2) Tiap-tiap pesuruhjaya sumpah (sama ada dilantik di bawah Perintah ini atau di bawah sebarang undang-undang bertulis yang lain) yang dihadapannya sebarang sumpah atau afidavit dikendalikan atau dibuat hendaklah menyatakan dengan sebenarnya dalam jurat atau pengakusakan di tempat manakah dan pada tarikh bilakah sumpah atau afidavit itu dikendalikan atau dibuat.
7. (1) Tiap-tiap duta, utusan, menteri, kuasausaha, setiausaha atau konsular atau pegawai lain dari kedutaan, perwakilan atau konsulat Negara Brunei Darussalam, yang menjalankan tugas-tugasnya di sebuah negara asing, boleh di negara itu, mengendalikan sebarang sumpah atau membuat sebarang afidavit.
- Kuasa-kuasa mengenai sumpah dsb. di luar negeri.
- (2) Sumpah atau afidavit yang dikendalikan atau dibuat oleh atau di hadapan orang yang dinyatakan dalam ceraian (1) hendaklah berkuasa seolah-olah sempurna dikendalikan atau dibuat oleh atau di hadapan pihak berkuasa yang sah di Negara Brunei Darussalam.
- (3) Suatu dokumen yang dikatakan ditandatangani oleh seseorang yang diberi kuasa untuk bertindak menurut ceraian (1) hendaklah di terima sebagai keterangan tanpa bukti bahawa dokumen itu telah ditandatangani oleh orang itu atau dari jawatan orang yang disebut kemudian.
8. Afidavit yang diangkat sumpah di bawah Perintah ini hendaklah dianggap sebagai pengakuan sebagaimana yang disebutkan dalam bab-bab 199 dan 200 dari Kanun Hukuman Jenayah.
- Pernyataan palsu dalam afidavit boleh dihukum di bawah Kanun Hukuman Jenayah.
9. Seseorang pesuruhjaya sumpah yang dilantik di bawah Perintah ini boleh mengenakan bayaran sebagaimana yang mungkin ditetapkan dengan Perintah oleh Ketua Hakim.
- Bayaran.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Aturan-aturan. 10. Ketua Hakim boleh membuat aturan-aturan bagi menguatkuasakan syarat-syarat Perintah ini.

**Penggal-
Penggal 3 dan
12 tidak
tersentuh.** 11. Tiada sebarang apa pun dalam Perintah ini boleh menyentuh syarat-syarat Akta Sumpah dan Pengakuan dan Akta Pengakuan Berkanun.

Diperbuat pada hari ini 26 haribulan Ogos, 1993, di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**